

Syor pasar raya tak jual produk antisawit

Subang Jaya: Kementerian Industri Utama (MPI) mencadangkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) supaya pasar raya besar di negara ini tidak menjual produk yang mempunyai label antisawit.

Menterinya, Teresa Kok, berkata pihaknya sudah pun memanjatkan hasrat berkenaan kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berikutan ia bukan di bawah bidang kuasa kementerian-nya.

“Saya berpendapat Datuk Seri Saifuddin Nasution sedang mengkaji cadangan ini dan adalah lebih baik jika beliau sendiri yang memperincikannya.

“Bagaimanapun, kementerian kami memuji pasar raya Mydin yang mengambil langkah pantas untuk tidak menjual produk antisawit dan jika boleh, kami mahu

Sudah tiba masanya semua pihak memainkan peranan penting untuk memperkasakan industri sawit negara.

Teresa Kok,
Menteri Industri Utama

lebih banyak pasar raya dan kedai runcit yang akan ikut jejak langkah Mydin.

“Sudah tiba masanya semua pihak memainkan peranan penting untuk memperkasakan industri sawit negara kita,” katanya kepada media selepas majlis pelancaran kerjasama Kempen Sayangi Sawitku bersama Mydin Mohamed Holdings Bhd di sini, semalam.

Yang hadir sama, Pengarah



Kok bersama Ameer melihat produk minyak sawit di Pasaraya Mydin selepas majlis pelancaran kerjasama Kempen Sayangi Sawitku bersama Mydin Mohamed Holdings Bhd di Subang Jaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Urusan Mydin, Datuk Wira Ameer Ali Mydin dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Datuk Dr Kalyana Sundram.

Pelabelan ‘minyak kelapa sawit’ atau ‘tiada minyak sawit’ adalah sebahagian daripada kempen antiminyak sawit oleh beberapa syarikat asing.

Sementara itu, Ameer berkata, pihaknya sudah memberi arahan kepada cawangan Mydin di seluruh negara itu menurunkan mana-mana produk yang mempunyai label antisawit.

“Sebagai rangkaian pemborong dan runcit terbesar tempatan,

kami menyokong usaha kerajaan dalam mempromosikan minyak sawit dan atas komitmen itu, kami menjadi platform untuk menyebarkan maklumat melalui pameran poster serta tayangan video berkaitan minyak sawit di skrin paparan LED cawangan Mydin,” katanya.